

13 SEP 1996

Mahathir - Tiba

DR MAHATHIR TIBA DI HARARE BAGI SIDANG KEMUNCIAK SURIA

Oleh: K.C.Leong

HARARE, 13 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan lima hari ke Zimbabwe bagi menghadiri Persidangan Kemuncak Suria Sedunia bermula Isnin ini.

Perdana Menteri juga akan menghadiri mesyuarat pertama Suruhanjaya Suria Sedunia sebagai seorang daripada 16 anggota suruhanjaya itu yang dipengerusikan oleh Presiden Zimbabwe Robert Mugabe selaku penganjur persidangan.

Dr Mahathir menginap di Hotel Harare Sheraton terletak bersebelahan dengan Pusat Persidangan Antarabangsa Harare, tempat bagi mesyuarat itu.

Esok, Dr Mahathir dan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie, yang menyertai delegasi akan menghadiri taklimat oleh para pegawai Malaysia mengenai kemajuan yang dicapai setakat ini dalam mesyuarat awal di sini minggu ini.

Taklimat akan disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Nuraizah Abdul Hamid, yang mengetuai perwakilan Malaysia ke ke mesyuarat peringkat pegawai.

Nuraizah memberitahu wartawan Malaysia bahawa setakat ini persetujuan dicapai untuk hampir semua perkara utama dalam kedua-dua dokumen persidangan kemuncak itu -- Deklarasi Harare mengenai Tenaga Suria dan Pembangunan Mapan serta Program Suria Sedunia (WSP) 1996-2005.

Deklarasi Harare ialah kenyataan oleh negara-negara yang menghadiri persidangan kemuncak itu, hasil inisiatif Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (Unesco) tiga tahun lepas bagi melancarkan program bagi aktiviti suria secara global.

Aktiviti itu terkandung dalam Program Suria Sedunia iaitu rancangan asas tindakan pada peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

Satu daripada objektif utama Suruhanjaya Suria ialah menawarkan kepimpinan politik dan bimbingan bagi mencapai matlamat sidang kemuncak, terutama dalam pelaksanaan WSP.

Di samping Mugabe dan Dr Mahathir, anggota lain suruhanjaya itu termasuk Presiden Suharto, Presiden China Jiang Zemin, Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela, Raja Juan Carlos (Sepanyol) dan Presiden H.D. Deve Gowda (India).

Yang lain ialah Presiden Abdou Diouf (Senegal), Presiden Zine El Abidine Ben Ali (Tunisia), Presiden Eduard Shevardnadze (Georgia), Presiden Jose Maria Figueres Olsen (Costa Rica), Presiden Sardar Farooq Ahmad Khan Leghari (Pakistan), Chanselor Franz Vranitzky (Austria), Perdana Menteri Jamaica P.J. Patterson, Presiden Palestin Yasser Arafat dan Perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu.

Bagaimanapun, tidak semua anggota suruhanjaya itu menghadiri mesyuarat dan jumlah negara yang menyertai persidangan kemuncak itu dijangka kurang daripada 100 negara seperti dijangka sebelumnya.

Para pegawai berkata 80 delegasi setakat ini telah tiba termasuk delegasi mewakili pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

Namun demikian, terdapat kesungguhan terutama di kalangan negara membangun bahawa aktiviti yang dicadangkan bagi memperluaskan sumber tenaga seperti suria, angin, biomas dan hidro dapat mengatasi masalah bagi yang mereka hadapi bagi membekalkan bekalan tenaga kepada penduduk terutama di kawasan luar bandar dan terpencil. -- BERNAMA

KCL FAZ MAI